

# UMSKAL perintis

## Kedai Koop 1Malaysia

UB 10.4.2013 B4

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini yang mewujudkan Kedai Koop 1Malaysia.

Premis berkenaan yang beroperasi sejak 1 Mei 2012 dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Sabtu lalu sempena lawatan kerja beliau ke UMSKAL.

Turut hadir Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Bendahari UMS, Rizal Othman yang juga Pengerusi Koperasi UMS Bhd, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Pengurus Kedai Koop 1Malaysia UMSKAL, Norzuanizan Ahmad Nor.

Menurut Rizal, Kedai Koop 1Malaysia itu menjual pelbagai produk makanan dan minuman

► Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama mewujudkannya di negara ini



**HARUN** memotong reben sebagai simbolik perasmian Kedai Koop 1Malaysia di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

“Pelajardan kakitangandiharap mengambil kesempatan itu untuk membeli barangan harian termasuk barang dapur yang dijual dengan harga yang lebih murah berbanding harga di luar. UMSKAL merupakan IPTA yang pertama membuka Kedai Koop 1Malaysia yang memberi peluang kepada pelajar membeli barangan dengan harga yang lebih murah.”

### **RIZAL OTHMAN**

*Bendahari UMS merangkap Pengerusi Koperasi UMS Bhd*

dan barangan runcit dengan harga yang lebih rendah terutama barangan produk 1Koop.

Katanya, barangan produk 1Malaysia itu termasuk barangan keperluan harian sesuai dibeli oleh pelajar pada harga yang berpatutan bagi meringankan beban kewangan mereka.

Beliau berharap pelajar dan kakitangan akan mengambil kesempatan itu untuk membeli barangan harian termasuk barang dapur yang dijual dengan harga yang lebih murah berbanding harga di luar.

“UMSKAL merupakan IPTA yang pertama membuka Kedai Koop 1Malaysia yang memberi peluang kepada pelajar



**HARUN** (kanan) menerima cenderamata daripada Rizal diperhatikan Abdullah (dua kanan) dan Ismail selepas merasmikan Kedai Koop 1Malaysia.

membeli barangan dengan harga yang lebih murah,” katanya selepas menyerahkan sumbangan Koperasi UMS Bhd kepada UMSKAL yang diterima oleh Harun.

Kedai Koop 1Malaysia UMSKAL juga terbabit dengan program TUKAR iaitu Program

Transformasi Kedai Runcit yang bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif.

Pihak pengurusan UMSKAL juga menempatkan barangan cenderamata keluaran universiti di premis itu untuk dijual kepada pelanggan terutama pelajar sebagai tanda kenang-kenangan sebelum mereka menamatkan pengajian kelak.

Kedai Koop 1Malaysia terletak di Bangunan Pusat Korikulum dan Pemajuan Pelajar (PKP) UMSKAL berhampiran dengan kolej kediaman pelajar beroperasi pada Isnin hingga Jumaat dari jam 9 pagi hingga 6 petang dan Sabtu (9 pagi – 1 petang).

Rizal juga mengalu-alukan penduduk berhampiran untuk membeli barangan harian seperti biskut, susu tepung, susu manis, milo dan sabun serta produk 1Koop di Kedai Koop 1Malaysia UMSKAL.



**HARUN** (kanan) mendengar penerangan daripada Rizal (tiga kiri) mengenai produk yang dijual di Kedai Koop 1Malaysia UMSKAL.